

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pelan jangka panjang yang diambil Kerajaan bagi mewujudkan Dana Penstabilan Harga bagi harga getah yang kian merudum dan memberi kesan kepada peladang serta bantuan disediakan kerajaan kepada mangsa banjir yang terlibat dengan jumlah kerugian ladang dan kebun mereka dalam bencana banjir lalu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap penurunan harga asli dan kesannya kepada pendapatan para pengusaha tanaman getah di mana hampir 92% daripadanya adalah para pekebun kecil. Dalam hal ini, bagi memastikan pekebun kecil meneruskan kegiatan penorehan di samping membantu golongan ini dalam keadaan penurunan harga getah, Kerajaan dalam Bajet 2015 telah mengumumkan dana awal sebanyak RM100 juta untuk melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) mulai tahun 2015.

IPG akan diaktifkan apabila paras harga SMR 20 *Free On Board* (FOB) berada pada RM4.60 se kilogram (kg) dan harga *cuplumps* pada RM1.75 se kg dan ke bawah. Pelaksanaan IPG melibatkan pemberian insentif pengeluaran seperti berikut:

- (a) RM0.30 bagi setiap kilogram *cuplumps* (50% Kandungan Getah Kering - KGK);
- (b) maksima RM0.90 bagi setiap kilogram lateks berdasarkan peratusan KGK; dan
- (c) maksima RM0.60 bagi setiap kilogram getah *Unsmoked Sheet* (USS) berdasarkan KGK.

Selain itu, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah pun melaksanakan mekanisme penetapan harga di ladang. Tujuannya ialah supaya pekebun kecil mendapat harga yang munasabah dan 'remunerative", dengan izin. Mekanisme ini melibatkan antara lain, penyertaan 64 koperasi dalam urusanniaga getah bagi mengurangkan peranan orang tengah. Bagi melaksanakan program ini, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi-koperasi untuk tujuan urusanniaga.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dari segi kerosakan ladang dan kebun pekebun kecil ekoran bencana banjir pada bulan Disember 2014, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM38,483,821.00. Peruntukan ini akan digunakan untuk membaik pulih melibatkan jalan ladang sepanjang 4,145.33 kilometer (km) di Kelantan, 993.08 km di Terengganu dan 2,659.73 km di Pahang.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
DARIPADA [ GERIK ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mengatasi masalah guru yang diberi opsyen yang bukan kemahirannya untuk mengajar di sekolah dan seterusnya akan menimbulkan masalah kepada guru dan pelajar sendiri.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang berat terhadap isu guru bukan opsyen untuk mengajar di sekolah. KPM telah mengambil inisiatif tertentu bagi mengatasi masalah guru bukan opsyen melalui strategi Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan Pelabelan Guru melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Pelbagai program LDP dilaksanakan dari semasa ke semasa kepada semua guru opsyen dan bukan opsyen melalui aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB). Di samping itu, Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) diperkenalkan khusus kepada guru bukan opsyen terutama bagi mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di SJKC, Prasekolah, Pendidikan Khas, Kemahiran Hidup, Sejarah dan Geografi.

Melalui inisiatif Pelabelan Guru, guru-guru akan dilabelkan mengikut opsyen ikhtisas major dan minor, berdasarkan pengalaman mengajar dan jawatan yang disandang. Matlamat program ini ialah guru-guru akan mengajar subjek opsyen masing-masing, dan mengurangkan bebanan mengajar subjek yang bukan opsyen.